

AL MUAMALAT

PENA SYARIAH BANK MUAMALAT ♦ SIBI 06 ♦ PP1703/10/2012(031346)

FOKUS: Etika Perbankan

ETIKA/TANGGUNGJAWAB BANK DALAM PEMBIAYAAN



Bank Muamalat Malaysia Berhad
Jabatan Syariah
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8787

www.muamalat.com.my

Pusat Panggilan Pelanggan
Talian Bebas Tol: 1300-88-8787

- ♦ Hukum Bermuamalat Dengan Sumber Yang Haram
- ♦ Hukum Menggunakan Duit Zakat Untuk Membina Masjid
- ♦ ISLAMIC ECONOMIST: Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali Hj. Abdul Rahman



Pendahuluan gratuiti prapersaraan

RM10,000 Hingga **RM200,000**

Tiada bayaran bulanan & tanpa penjamin





ISLAMIC ECONOMIST

Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali Hj. Abdul Rahman

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG	2
SEJENAK BERSAMA ...	3
SENGAT CIK LEBAH	3
FOKUS: Etika Perbankan Etika/Tanggungjawab Bank Dalam Pembiayaan	4
Waspada Terhadap Elemen-elemen Haram dalam Bermuamalat	6
Hukum Bermuamalat dengan Sumber Yang Haram	8
RINGKASAN PRODUK KONSUMER: Pembiayaan Peribadi Muamalat Tawarruq-i	10
Hukum Menggunakan Duit Zakat Untuk Membina Masjid	14
Soalan Lazim Berkaitan Halal Dan Haram Dalam Islam	16
ISLAMIC ECONOMIST: Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali Hj. Abdul Rahman	18
Ethical Dimensions in Islamic Finance: Theoretical and Practical Scenarios	20
Wakaf - A Contribution Towards Socioeconomics of The Ummah	22
REFLECTIONS: The Importance of Unity of the Muslim Ummah	24
Gharar (Uncertainty) and Gambling From Islamic Perspectives	26
Civility and Social Responsibility of the Riba-Free Banking System	28
ISLAM IS THE WAY OF LIFE: The Beauty of Islam As Seen By Others	30
Keistimewaan Istighfar	31
Glosari Syariah	32

MUKA SURAT

SIDANG REDAKSI



Penasihat

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Ketua Editor

Mohd Hafiz Haji Fauzi

Sidang Editor

Mohd Izuwan Mahyudin
Saidatul Leiza Suleiman
Nurul Aiman Abdul Basik@Dzulkifli
Wan Nuraihan Haji Ab. Shatar
Ahmad Tarmizi Mahmud
Aminah Baharin
Ahmad Fikri Ahmad Faudzi

Pereka Grafik

Md Zaid Nadwi Ramli

Penerbit

Jabatan Syariah, Tingkat 20,
Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100
Kuala Lumpur.

Dicetak oleh:

SEPANTAS KURNIA (M) SDN BHD
408007-V
50, Jalan Seri Aman,
Taman Seri Aman,
Batu 8, 43200 Cheras,
Selangor Darul Ehsan.

Sekapur sirih Seulas Pinang

Yang Berbahagia En. Mohd Asri Awang

Ketua Pegawai Risiko, Bank Muamalat Malaysia Berhad

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan keluarga, para sahabat serta tabi' dan tabi'in. Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnianya dalam memberikan kemudahan kepada kita untuk menerbitkan Majalah Al-Muamalat bagi keluaran yang keenam. Moga segala usaha kita diberkati dan dirahmati-Nya.

Sebagai salah sebuah institusi perbankan Islam yang semakin berkembang, peranan dan tanggungjawab yang dipikul adalah sesuatu yang sangat besar. Amanah ini perlu dipenuhi dengan penuh tanggungjawab berdasarkan prinsip-prinsip asas dan etika yang benar supaya perjalanan selari dengan matlamat sebenar Syariah yang telah digariskan.

Secara amnya, masyarakat hari ini sedang dahagakan suatu inovasi baru yang lahir dari perspektif Islam sebagai jalan keluar dari masalah dan belunggu konvensional. Hakikat kecelakaan serta kecelaruan yang timbul daripada unsur-unsur tidak baik telah menjadikan masyarakat Islam khususnya di Malaysia berlumba-lumba bergabung dengan sistem Islam yang syumul. Kefahaman dan kesedaran umat Islam semakin meluas, menggerakkan langkah kita untuk lebih maju ke hadapan selari dengan kepentingan yang perlu ditunaikan. Inilah amanah berat yang dipikul oleh institusi perbankan Islam hari ini khususnya Bank Muamalat Malaysia Berhad dalam merealisasikan dan menyempurnakan *maqasid* yang digariskan oleh Syarak.

Menerusi informasi majalah ini, diharapkan ia dapat mempertingkatkan pengetahuan umum mengenai pengaplikasian perbankan Islam dalam industri perbankan di negara kita. Malahan dengan wujudnya pertumbuhan sistem perbankan Islam di Malaysia, Bank Muamalat Malaysia Berhad merupakan peneraju penting dalam mempelbagaikan produk-produk perbankan Islam. Bank Muamalat juga turut menawarkan produk perbankan yang berdaya saing yang memenuhi tuntutan Syarak.

Akhir kata, semoga majalah Al-Muamalat ini dapat menyumbang kepada operasi Bank dalam menangani masalah isu-isu semasa perbankan Islam seterusnya membantu menjadi sumber rujukan yang berguna. Diharapkan juga maklumat yang dipaparkan dapat memberi informasi serta penerangan yang jelas kepada saudara/saudari yang membaca majalah ini.

Sekian, terima kasih.



Sejenak Bersama...

Yang Berbahagia Dr. Mohamad Sabri Haron

Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad

Bismillahirrahmanirrahim...
Assalamualaikum Wrt.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, para keluarga dan para sahabat Baginda. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmat-Nya, majalah Al-Muamalat ini dapat diterbitkan yang kini sudah tiba ke edisi yang keenam.

Menyebut soal sistem perbankan Islam, secara mudahnya ia adalah suatu sistem perbankan di mana prinsip perjalanan dan amalannya berlandaskan hukum Islam atau dalam bahasa Arab disebut sebagai Syariah. Ini bermakna segala operasi yang berjalan di bank sama ada berkaitan dengan urusan penyimpanan wang mahupun urusan pembiayaan yang dilakukan berlandaskan hukum Syariah. Selain itu juga antara objektif utama penubuhan bank-bank Islam ialah untuk memenuhi keperluan umat Islam berkaitan urusan perbankan.

Sesungguhnya urusan perbankan dan kewangan yang berlandaskan Syariah adalah sebahagian daripada tuntutan semasa di saat umat manusia tercari-cari kaedah penyelesaian terbaik dalam menangani kemelut ekonomi semasa. Hari ini perbankan Islam sudah dikenali dan diterima umum sama ada oleh masyarakat Islam mahupun bukan Islam sehingga menjadi suatu industri yang amat memberangsangkan. Justeru itu, usaha BMMB dalam memartabatkan perbankan Islam amatlah dipuji.

Oleh yang demikian kewujudan majalah ini merupakan suatu wadah penting kepada BMMB untuk saling berkongsi ilmu pengetahuan dan informasi kepada masyarakat khususnya berkaitan perbankan dan kewangan Islam.

Akhirnya, syabas saya ucapkan kepada barisan tenaga penggerak yang bertungkus-lumus menjalankan peranannya. Semoga setiap tenaga yang tercurah menerusi setiap huruf dan kalimah akan dibalas dengan ganjaran sebesar-besarnya oleh Allah S.W.T. Semoga majalah ini mampu menyumbang maklumat berguna yang boleh dimanfaatkan oleh para pembaca sekalian.

Sekian. Wassalam.



Sengat

cik lebah

Di sebuah balairaya...



Masyarakat sekarang ni baguslah. Ramai yang pikir soal halal dan haram dalam bab makanan.

Memang bagus! Alhamdulillah. Tapi yang peliknya, soal halal dan haram dalam bab makanan ramai yang pikir, tapi bab muamalat rosak! Makanan nak yang halal, tapi nak beli rumah guna sistem yang ada riba pulak. Kalau nak pikir halal haram ni biarlah dalam semua perkara.





FOKUS: Etika Perbankan

ETIKA/TANGGUNGJAWAB BANK DALAM PEMBIAYAAN

Oleh: Ahmad Tarmizi Mahmud

Pendahuluan

Sistem kewangan dalam negara kita dan seluruh dunia semakin pesat tumbuh dan berkembang. Institusi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam industri kewangan nampaknya begitu aktif dalam memainkan peranan masing-masing dalam menggerakkan sistem kewangan negara. Namun begitu, dalam keghairahan menawarkan pelbagai produk pembiayaan, bank juga perlu memastikan bukan sahaja ia bertepatan dengan prinsip Syariah malah turut juga menepati kehendak dan juga kemampuan pengguna. Jika dilihat dari sudut statistik pada tahun 2010, dilaporkan lebih 100 ribu orang dikategorikan sebagai muflis ekoran kegagalan mereka untuk menjelaskan hutangnya. Oleh itu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menetapkan garis panduan berkenaan 'Responsible Financing' yang dikeluarkan pada 1 Januari 2012 di mana ia menggariskan etika bank dalam memberi pembiayaan kepada pelanggan.

Penilaian kemampuan dan kelayakan

Sebelum bank menawarkan pembiayaan kepada pelanggan, bank seharusnya menilai kemampuan kewangan dan kelayakan mereka. Oleh itu, dalam menilai kemampuan dan kelayakan pelanggan, pihak bank seharusnya melihat dari beberapa sudut antaranya penawaran produk yang sesuai, kedudukan kewangan semasa, pendapatan bulanan dan sebagainya. Ini kerana kegagalan melakukan penilaian yang tepat bakal mendedahkan bank dan juga pelanggan kepada risiko kredit dan juga kerugian. Hal ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T. yang mafhumnya:

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya."

(Al-Baqarah, 2: 286)

Sebagaimana Allah S.W.T. mempertanggungjawabkan sesuatu mengikut kemampuan hamba-Nya, begitulah juga seseorang itu

perlu memberikan sesuatu yang bertepatan dengan kemampuan orang lain. Oleh itu, inilah yang dikatakan konsep keadilan iaitu pemberian pembiayaan hanya diberikan kepada pelanggan yang berkemampuan sahaja.

Pemasaran dan Pengiklanan

Dalam mewujudkan skim pembiayaan yang efektif dan telus di pasaran, bank hendaklah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- a. Bank perlu memastikan segala iklan dan bahan promosi produk pembiayaan jelas, adil dan lengkap.
- b. Pelanggan dinasihatkan membaca dan mempertimbangkan maklumat dan penerangan mengenai sesuatu produk pembiayaan.
- c. Pelanggan juga perlu disediakan maklumat yang secukupnya berkenaan teknik pengurusan kewangan yang bijak seperti mendaftarkan mereka ke dalam program-program teknik pengurusan kewangan dan sebagainya.

Sesungguhnya pemasaran dan pengiklanan memainkan peranan yang penting. Sekiranya tindakan-tindakan tersebut dapat dilaksanakan, maka akan wujud ketelusan (transparency) di antara pihak institusi kewangan dan pihak pelanggan tanpa sebarang prejudis dan syak wasangka. Oleh itu, perihal ketelusan ini ada dirakamkan dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara-perkara yang dusta terhadap Allah.”

(Al-Ankabut, 29:28)

Menurut Ibnu Kathir di dalam tafsirnya, ayat ini menerangkan tentang ketelusan dalam menjelaskan setiap apa yang dimiliki tanpa menambah apa-apa yang tidak berkaitan dengannya mahupun menyembunyikan apa-apa yang sepatutnya dijelaskan. *Tafsir Ibn Kathir, Al-Hafiz Ibn Kathir, Pustaka Al-Syafi'e, hlmn 153*

Caj dan bayaran

Antara kewajipan utama bank juga adalah menjelaskan segala caj dan bayaran yang dikenakan kepada pihak pelanggan. Kegagalan untuk berbuat sedemikian bakal mengundang tohmahan kepada institusi perbankan Islam seperti bank Islam zalim kerana menggunakan caj yang tersembunyi, tidak telus dan lain-lain lagi. Contohnya dalam kes pelanggan yang menamatkan kontrak pembiayaan dalam tempoh “lock in period”, di mana pelanggan perlu membayar sejumlah wang bagi menampung segala kos dan kerugian kepada pihak bank seperti yang tertakluk kepada terma dan syarat yang dimeterai. Hal ini bertepatan dengan hadis Nabi S.A.W. yang bermaksud:

“Seseorang muslim itu tertakluk kepada syarat-syarat (yang dimeterainya)”.

(Abu Daud, Sunan Abi Daud, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, 1999, h. 398, hadis no. 3594)

Pemantauan dan Pemulihan Hutang

Setelah pihak bank memberikan pembiayaan kepada pelanggan, maka bank juga berperanan dalam mengawasi dan mengenalpasti punca yang menyebabkan pelanggan gagal dalam membuat pembayaran. Bank perlu membuat pelan pembayaran alternatif yang efektif agar pelanggan tersebut dapat menjelaskan pembiayaannya dengan sebaik mungkin serta menerangkan tentang implikasi akibat kegagalan menjelaskan

sesuatu pembiayaan. Oleh itu, tindakan ini hendaklah dilakukan secara beretika dan beradab bagi mengelakkan berlakunya kemudharatan kepada pihak pelanggan. Maka tindakan seumpama ini amatlah bertepatan dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan jika orang yang berhutang itu dalam kesempitan, berilah tempoh sehingga ia berada dalam kelapangan”.

(Al-Baqarah, 2: 280)

Menurut Al-Sayyid Qutub, ayat ini melambangkan toleransi tuah yang dibawa oleh Islam kepada umat manusia. Inilah bayangan rahmat pemberi hutang kepada pihak yang berhutang seterusnya kepada masyarakat yang melindungi mereka semua.

(Al-Sayyid Qutub, Tafsir Fi Zilal al-Quran, hlm 161)

Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) juga menerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit turut menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan kepada individu khususnya kepada mereka yang berada dalam situasi keberhutangan yang teruk.

Kesimpulan

Berdasarkan penerangan di atas, dalam menawarkan pembiayaan kepada pelanggan, pihak bank perlu lebih teliti dalam menilai tahap kemampuan pelanggan untuk membayar semula hutang dan juga keperluan pelanggan terhadap produk yang ditawarkan. Ini bagi memastikan supaya masyarakat tidak mengamalkan sikap suka berhutang tanpa keperluan sehingga boleh terjerumus ke dalam dilema keberhutangan yang parah. Wallahua'lam.

Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim
2. Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa & Pustaka
3. Guidelines on Responsible Financing, BNM
4. Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua), BNM
5. Tafsir Fi Zilal Al-Quran, Al-Sayyid Qutub
6. Tasfir Ibn Kathir, Pustaka Imam Al-Syafie

WASPADA TERHADAP ELEMEN-ELEMEN HARAM DALAM BERMUAMALAT

Oleh: Syariah

Muamalat merupakan aktiviti yang terjalin antara manusia dengan manusia. Muamalat juga merupakan tatacara atau peraturan dalam perhubungan manusia sesama manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing yang berlandaskan syariat Allah S.W.T. yang melibatkan ekonomi dan sosial Islam. Namun kini muamalat lebih dikenali dalam penggunaan aktiviti kewangan dan ekonomi Islam. Islam memberi kelonggaran kepada manusia bagi menggunakan akal fikiran yang diberikan oleh Allah bagi mencari cara-cara yang sesuai dengan kehendak manusia dan kemampuannya untuk mencapai kehidupan yang baik dan selesa selaras dengan prinsip Syarak.

Dalam muamalat Islam, prinsip keadilan, kerjasama, kebajikan dan bebas dari penindasan telah diaplikasikan. Penggunaan nilai-nilai ini jelas menggambarkan bahawa sistemnya tidak akan menzalimi sesiapa sama ada dari sudut ekonomi, sosial mahupun politik. Dalam ruangan ini, fokus diberikan terhadap muamalat dalam sistem ekonomi Islam. Pelaksanaan muamalat dalam Islam mestilah berteraskan akidah kerana akidah yang kuat akan dapat mengelakkan umat Islam daripada terlibatnya dengan unsur-unsur yang dilarang atau berlakunya pelanggaran hukum Syarak dalam transaksi perbankan.

Antara elemen-elemen yang diharamkan dalam transaksi muamalat Islam adalah seperti riba, ketidakpastian (*gharar*), arak (*khamr*), judi (*muqamarah/maysir*), penipuan atau khianat, serta barang/perkhidmatan yang haram dan sebagainya. Elemen-elemen haram ini boleh mengakibatkan sesuatu transaksi terbatal kerana tidak bertepatan dengan objektif Syariah. Oleh itu, dalam pelaksanaan urusan muamalat hendaklah dihindari perbuatan-perbuatan sedemikian. Malah kita dianjurkan oleh Islam berbuat baik sesama manusia sama ada dalam aspek ibadah atau muamalat.

Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

"Allah memberikan rahmat-Nya pada setiap orang yang bersikap baik ketika menjual, membeli dan membuat suatu kenyataan."
(Riwayat Al-Bukhari)

Keterlibatan secara langsung dalam urusan yang haram dianggap sebagai terbabit dalam perkara kejahatan dan pelanggaran perkara-perkara yang ditegah oleh Syarak ataupun yang disifatkan sebagai pelanggaran sempadan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"... dan janganlah kamu tolong-menolong pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan ..."
(Al-Maidah, 5:2)

Sabda Rasulullah S.A.W. lagi yang bermaksud:

"Setiap daging yang tumbuh dari harta kotor (haram) maka Neraka lebih layak untuknya"
(Riwayat At-Tabari)

Sesungguhnya ayat Al-Quran dan hadith di atas menjelaskan kepada kita betapa pentingnya kita berwaspada terhadap unsur-unsur haram dalam bermuamalat. Contohnya dalam urusan perbankan, pembinaan produk baru amat memerlukan penelitian Syariah supaya proses dan pelaksanaan akad tidak terkeluar dari garis panduan Islam dan terlibat dengan transaksi yang diharamkan. Malah, transaksi haram seperti riba, judi dan rasuah akan mengakibatkan ketidaktelusan dan hilangnya kepercayaan pelanggan terhadap bank.

Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradawi dalam kitab karangannya *Al-Halal Wa Al-Haram fi Al-Islam* menyenaraikan unsur-unsur larangan dalam urusiaga (muamalat) seperti berikut:

- Membantu kepada perbuatan maksiat;
- Terdapat unsur-unsur gharar atau penipuan;
- Terdapat unsur-unsur monopoli, eksploitasi atau pemerasan; dan
- Terdapat penganiayaan terhadap salah satu pihak yang berkontrak.

Membantu Kepada Perbuatan Maksiat

Sudah menjadi kebiasaan, bahawa segala apa yang menarik kepada maksiat maka, menjual atau membelinya adalah haram hukumnya, seperti babi, arak (minuman yang memabukkan), makanan dan minuman yang dilarang secara umum, patung berhala, salib, patung-patung yang pelbagai bentuk dan sebagainya. Oleh itu, membenarkan perniagaan barang sedemikian adalah sama seperti menggalakkan orang berbuat maksiat, atau memberi jalan ke arah kemaksiatan dan mendekati manusia kepadanya. Mengharamkan perniagaan sedemikian itu samalah seperti menutup pintu maksiat dan menjauhkan manusia daripada terjebak ke dalamnya. Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya telah mengharamkan perniagaan dengan khamar (arak), bangkai, babi dan patung.”

(HR Al-Bukhari dan Muslim)

Baginda bersabda lagi yang bermaksud:

“Sesungguhnya apabila Allah mengharamkan sesuatu benda, diharamkan sekali harganya.”

(HR Imam Ahmad dan Abu Daud)

Terdapat Unsur-Unsur Gharar Atau Penipuan

Gharar terbahagi kepada dua jenis, iaitu *gharar fahish* (gharar besar) dan *gharar yasir* (gharar sedikit). Ulama' memutuskan jika gharar fahish terdapat di dalam sesuatu transaksi jual beli mahupun pelaburan, ia akan menyebabkan kesahihan akadnya bermasalah dari sudut Syariah.

Antara contoh jual beli gharar, di mana Rasulullah S.A.W. mendapati ramai orang di zamannya menjual buah-buahan di pepohonnya, atau di dalam kebunnya sebelum pasti akan masaknyanya (matang) buah itu iaitu masih muda. Baginda pernah bersabda yang bermaksud:

“Apa kata kamu, sekiranya Allah menahan buah-buahnya itu (apabila datang bencana yang merosakkannya), kemudian patutkah seseorang dari kamu menghalalkan harga yang dibayar oleh saudaranya?”

(HR Al-Bukhari dan lain-lainnya)

Larangan gharar merupakan suatu hukum yang ditetapkan oleh Islam bagi menjaga kemaslahatan kedua-dua pihak serta memastikan tahap keredhaan kedua belah pihak di tahap yang baik dan mengelakkan pergaduhan daripada berlaku. Namun, larangan gharar boleh berubah dengan berubahnya suasana persekitaran, kebiasaan manusia dan teknologi semasa.

Sebagai contoh, ulama silam mengharamkan pembelian ikan yang masih berada di dalam air kerana dijangkakan gharar besar akan berlaku. Walaubagaimanapun, hukum ini boleh berubah di zaman moden ini jika dapat dibuktikan dengan yakin alatan moden mampu menangkap ikan di dalam air dengan ketepatan yang cukup tinggi.

Terdapat Unsur-Unsur Monopoli

Sekalipun Islam menjamin kebebasan individu dalam jual beli dan mencari kelebihan untung secara zahir dalam pasaran, namun Islam juga mengingkari sifat ananياهو (mementingkan diri sendiri) dengan sekeras-kerasnya, atau keegoan sesetengah individu dan kerakusan diri untuk mendapatkan kekayaan harta benda atas biaya orang lain, atau mengumpul kekayaan dengan menekan harga makanan rakyat dan menaikkan harga keperluannya.

Oleh kerana itulah, Nabi S.A.W. melarang keras serta mengancam perbuatan monopoli itu di dalam sabdanya yang bermaksud:

“Barangsiapa yang menyimpan makanan untuk tujuan monopoli selama empat puluh hari, nescaya Allah akan melepaskan diri daripadanya.”

(HR Ahmad, Al-Hakim, Ibn Abi Syaibah dan Al-Bazzar)

Sabda Baginda lagi yang bermaksud:

“Tiada yang memonopoli itu melainkan dia seorang yang bersalah.”

(HR Muslim)

Sabda Nabi S.A.W. lagi yang bermaksud:

“Pembawa barang itu diberi Allah rezeki, dan yang memonopoli barang itu terkutuk”

(HR Ibn Majah dan Al-Hakim)

Terdapat Penganiayaan Terhadap Salah Satu Pihak Yang Berkontrak

Dalam muamalat, Islam melarang penganiayaan terhadap salah satu pihak yang berkontrak, seperti penipuan, riba dan sebagainya. Setiap orang Islam dituntut berlaku jujur dalam semua hal ehwalnya dan tidak melakukan penindasan dan penganiayaan terhadap individu lain. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Si penjual dan pembeli diberikan pilihan (dalam meneruskan jual belinya) selama mereka belum berpisah. Sekiranya mereka bersifat jujur dan menerangkan (ciri dagangannya) akan diberkati (Allah) dalam perniagaan kedua mereka. Tetapi sekiranya mereka berbohong dan menyembunyikan (ciri dagangannya), maka terhapus keberkatan jual beli di antara kedua mereka.”

(HR Al-Bukhari)

Sabda Rasulullah S.A.W. lagi yang bermaksud:

“Barangsiapa yang menipu kami, dia bukanlah dari golongan kami.”

(HR Muslim)

Islam juga mengharamkan sistem riba dalam semua urusan jual beli, pengharaman ini ialah demi untuk menjaga kemaslahatan manusia dari segi akhlakunya, kemasyarakatan dan ekonomi. Jika riba itu halal di sisi Syarak, bererti membolehkan bagi si kaya untuk memeras dan menganiaya si miskin dengan mengambil wang tambahan daripadanya, yang mana hal seumpama ini tidak harus dilakukan di bawah rahmat Allah S.W.T. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Allah telah mengutuk si pemakan riba, orang yang memberikan riba, dua orang saksi dan jurutulisnya.”

(HR Imam Ahmad, Abu Daud, Al-Tirmizi dan beliau mensahihkannya, Al-Nasaie dan Ibn Majah)

Sebagai kesimpulan, mengenali perkara yang halal dan haram secara umum sahaja adalah tidak memadai. Asas halal dan haram sememangnya tidak lari bagi setiap Muslim, akan tetapi masih terdapat segelintir orang dari kalangan Muslimin terjerumus ke dalam perkara yang diharamkan seolah-olah mereka sedang menerokai perjalanan untuk jatuh ke lembah neraka, sedangkan mereka semua mengetahui tentang perkara yang mereka lakukan. Apa yang penting, seseorang mestilah mempunyai sifat taqwa kepada Allah S.W.T. yang menjadi asas bagi semua permasalahan hidup. Wallahua'lam.

Rujukan:

1. Al-Quran Al-Karim
2. Hadith Nabi S.A.W.
3. Halal dan Haram Dalam Islam, Dr. Yusuf Al-Qaradawi, Penterjemah: Dr.Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri, Darul Syakir Enterprise
4. Wang, Anda dan Islam – Halal dan Haram dalam Kewangan dan Perbankan, Dr. Zaharuddin Abd. Rahman, Truwealth Publishing

HUKUM BERMUAMALAT DENGAN SUMBER YANG HARAM



Oleh: Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri,
Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad

Dalam pengenalan ini, suka dinyatakan pengenalan umum berkenaan konsep muamalat Islam. Ia membabitkan usaha atau cara mendapatkan pekerjaan yang membawa kepada rezeki dan harta. Islam menghubungkan rezeki dengan usaha dan menggalakkan ke arah itu. Justeru, kerja dianggap sebagai jihad dan ibadah apabila diniatkan untuk memelihara maruah tanpa keperluan bergantung dengan orang lain. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi."

(Al-Qasas, 28: 77)

Dalam menjawab persoalan di atas, penulis mengemukakan beberapa tips/panduan secara khusus untuk mendapat lebih manfaat:

Pertama: Hukum bermuamalat dengan dapatan harta haram

Mengikut pendapat ulama yang haram tetap haram dan wajib dijauhinya sama ada melalui pinjaman, pemberian atau sebagainya.

Syeikh Al-Islam Ibn Taimiyah dalam Majmu' Al-Fatawa berkata: Dapatan daripada harta rampasan adalah tidak harus untuk dimiliki jika seseorang itu mengetahuinya bahkan wajib menjauhinya.

Kedua: Hukum penerimaan saguhati atau anugerah di akhir sesi perkhidmatan dari bank riba

Hukum memiliki seperti di atas melalui bank riba tidak berbeza dengan hukum menerima gaji yang diambil pada masa perkhidmatan. Sebaik-baiknya hendaklah seseorang itu membersihkan wangnya dari unsur riba dengan memberikan kepada fakir miskin.

Imam Al-Nawawi dalam Al-Majmu' berkata: Apabila seseorang memberi kepada fakir dari harta riba hukumnya tidak haram kepada fakir tersebut bahkan halal lagi baik baginya.

Seseorang fakir tersebut boleh berbelanja dari harta tersebut untuk dirinya dan keluarganya jika perlu dan berhajat.

Ketiga: Hukum penerimaan makanan daripada harta yang haram

Mengikut yang masyhur dan kaedah fuqaha' menyebut: Sesungguhnya asal pada harta orang Islam hendaklah ditanggung pada selamatnya dari sumber yang haram. Justeru, hendaklah husnu zhan (berbaik sangka). Atas asas inilah tidak menjadi kesalahan seseorang makan dari makanan saudara kerabatnya selama mana tidak yakin yang semua hartanya haram, sebaliknya jika yakin, maka tidak harus ia memakannya.

Keempat: Hukum menerima hadiah daripada seseorang yang sebahagian hartanya haram

Dalam menjawab persoalan ini tidak sepatutnya bagi seseorang mengkaji dan menyelidiki sumber asal harta tersebut sebagaimana pada ghalib zhannya (dugaan terkuat/paling umum) tidak diyakini haram. Syeikh Al-Islam Ibn Taimiyah berkata: Jika keadaan majhul atau tidak diketahui, maka ia dianggap seperti tiada. Justeru, mana-mana harta menjadi milik orang Islam, hukumnya adalah halal.

Ibn Hajar dalam Fath Al-Bari berkata: Yang tahkik (wajib dipegang) dalam masalah ini, bahawa siapa yang diketahui hartanya halal, maka tidaklah harus memulangkan pemberiannya sebaliknya jika diketahui haram maka haram menerimanya. Adapun yang ketiga iaitu syak antara halal dan haram, maka ketika itu secara ihtiatnya (menjaga hukum) hendaklah memulangkan harta tersebut kerana warak.

Kelima: Hukum anak-anak yang lemah daripada bekerja, adakah haram baginya mengambil harta ayahnya dari sumber yang haram seperti riba

Jika kanak-kanak tersebut masih kecil atau besar tetapi lemah dalam mendapatkan harta yang halal, maka berhak bagi mereka mengambil harta ayah mereka walaupun dari sumber yang haram. Berhak baginya makan dengan menggunakan harta tersebut dan hukumnya seperti masyaqqah (kesusahan) atau mudarat bagi memakan bangkai kerana menyelamatkan dirinya. Inilah yang difatwakan oleh Ibn Taimiyah dan juga oleh Imam Al-Nawawi dalam Majmu'. Walaupun begitu amat layak dan wajar anak-anak mencermati dan mengelakkan daripada sumber yang haram.

Beberapa Kaedah Berkenaan Muamalat

Penulis ingin menutup perbincangan ini dengan menyebut beberapa kaedah, antaranya:

Kaedah asas dalam penentuan hukum urusan muamalat berkaitan harta menurut majoriti ulama dan mazhab ialah:

Maksudnya: *"Hukum asas dalam urusan muamalat ialah kembali melihat tujuannya dan maslahat kebaikan (yang boleh dicapai daripadanya)."*

Atau juga disebut:

Maksudnya: *"Hukum asal dalam semua perkara (kecuali ibadat dan hubungan lelaki dan perempuan) adalah harus dilakukan*

kecuali terdapat dalil yang menyatakannya sebagai haram."

Kaedah ini berdasarkan pelbagai nas dan dalil, antaranya sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:

"Apa-apa yang dihalalkan oleh Allah maka ia halal, dan apa-apa yang diharamkan-Nya adalah haram, manakala apa yang tidak disebut adalah diampunkan. Terimalah kemudahan daripada Allah, dan sesungguhnya Allah tidak lupa akan sesuatu apapun."

(Riwayat Al-Bazzar, Al-Tabarani daripada Abu Darda', sanad hasan)

Namun demikian, Mazhab Al-Zahiri berpegang dengan kaedah yang berbeza iaitu:

Maksudnya: *"Hukum asal dalam semua kontrak adalah haram (dilarang) kecuali dibuktikan halal."*

Penutup

Isu muamalat sentiasa berkembang dan subur. Begitu juga seringkali percampuran antara sumber halal dan haram terjadi ketika menguruskan kewangan dan harta kerana sumber-sumber yang bercampur antara halal dan haram. Oleh kerana itulah sewajarnya kita mempelajari hukum berkaitan muamalat yang dianggap sebagai fiqh daruri (fiqh keperluan) oleh Dr. Wahbah Al-Zuhaili.

Benarlah nasihat Amirul Mukminin Umar Ibn Al-Khattab r.a. supaya kefaqihan dalam agama menjadi syarat berkenaan dengan melaksanakan urusan perniagaan. Beliau berkata:

Maksudnya: *"Janganlah seseorang itu berniaga di pasar kami, kecuali yang faqih (mengetahui halal dan haram), jika tidak dia akan terlibat memakan riba sama ada mahu atau enggan."*

Penulis sekali lagi menekankan isu ini, betapa menjauhi segala yang haram dan juga yang syubhah (kesamaran) amatlah dituntut dalam Islam. Ini kerana yang halal itu nyata dan yang haram itu nyata. Barangsiapa yang menjauhkan diri daripada yang syubhah, maka dia termasuk dalam golongan yang melepaskan diri dari sifat tercela untuk memelihara agama dan maruahnyanya.

Semoga isu ini akan dapat dijernihkan mengikut acuan Islamiah. Perlu ditegaskan walaupun sebahagian hukum menunjukkan keharusan tetapi hendaklah didhawabitkan (ditetapkan/dihukumkan) dalam keadaan darurat dan keterpaksaan. Sifat warak serta ihtiat sewajarnya menjadi prinsip pegangan umat Islam.

RINGKASAN PRODUK KONSUMER

NAMA PRODUK: PEMBIAYAAN PERIBADI (TAWARRUQ)-i

1. PENGENALAN

- 1.1 Produk ini ditawarkan kepada Pelanggan yang memerlukan pembiayaan untuk kegunaan peribadi mereka. Ia berkonsepkan Tawarruq yang bermaksud penjualan sesuatu barang kepada pembeli secara harga tertanggung. Pembeli kemudiannya menjual barang tersebut kepada orang ketiga secara tunai pada harga kurang daripada harga tertanggung dengan tujuan mendapatkan wang tunai.

2. KONTRAK SYARIAH

- 2.1 'Al-Murabahah' yang bermaksud akad jualbeli aset yang harganya termasuk margin keuntungan dan telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak pembeli dan penjual.
- 2.2 'Al-Wakalah' yang bermaksud perwakilan. Ia merujuk kepada kontrak yang memberikan kuasa kepada seseorang atau syarikat untuk bertindak bagi pihak yang memberi kuasa.
- 2.3 'Bai' Wadhi'ah' yang bermaksud harga jualan lebih rendah dari harga modal. Ia merujuk kepada 'aqad jual beli di mana harga jualan adalah kurang (diskaun) daripada harga asal yang dibeli.

3. RUKUN-RUKUN DAN SYARAT-SYARAT

- 3.1 Rukun-rukun dan syarat-syarat 'Al-Murabahah':

NO	RUKUN	SYARAT-SYARAT
3.1.1	Penjual	<ul style="list-style-type: none">Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siumanSekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaanMestilah seorang yang tidak bankrap (muflis)Perlakuan menyimpan subjek simpanan adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan
3.1.2	Pembeli	<ul style="list-style-type: none">Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siumanSekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaanMestilah seorang yang tidak bankrap (muflis)Perlakuan menyimpan subjek simpanan adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan
3.1.3	Subjek pertukaran	<ul style="list-style-type: none">Mestilah wujud ketika 'aqad jualbeli diadakanMestilah yang bernilai, bermanfaat dan halalMestilah mampu, boleh atau berupaya untuk diserahkan kepada pembeliTidak boleh terdiri daripada barang-barang ribawi yang sama 'illahMestilah diketahui secara jelas dan tepat oleh penjual dan pembeli subjek pertukaran iaitu barangan dan harga/nilai (wang tunai)Mestilah hakmilik penjual dan tidak disandarkan sebagai cagaran/jaminan/gadaian. Jika disandarkan sebagai cagaran/jaminan/gadaian, maka kebenaran pemegang cagaran/jaminan/gadaian adalah diperlukan
3.1.4	'Aqad iaitu penawaran (Ijab) & Penerimaan (Qabul)	<ul style="list-style-type: none">Mestilah berlaku 'aqad iaitu penawaran dan penerimaan sama ada melalui ucapan (lafaz), tulisan, isyarat dan perbuatan yang jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berkenaanMestilah wujud ketepatan dan kesekataan antara tawaran dengan penerimaanMestilah tawaran dan penerimaan berlaku dalam satu majlis atau satu ruang tempoh yang munasabahMestilah tawaran berterusan sah sehingga sempurna penerimaan, tiada penarikan balik tawaran sebelum penerimaanMestilah tawaran merujuk kepada perkara/subjek yang dikontrakkan dan memenuhi syarat-syaratnya

3.2.	Rukun-rukun dan syarat-syarat 'Al-Wakalah':	
NO	RUKUN	SYARAT-SYARAT
3.2.1	Wakil	<ul style="list-style-type: none"> • Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman • Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan • Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis) • Perlakuan tersebut adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan
3.2.2	Orang yang mewakili	<ul style="list-style-type: none"> • Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman • Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan • Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis) • Perlakuan mewakili adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan
3.2.3	Perkara yang diwakili	<ul style="list-style-type: none"> • Hendaklah dinyatakan dengan jelas oleh orang yang mewakili semasa 'aqad • Perbuatan tersebut hendaklah dibenarkan oleh Syarak • Sah mewakili sesuatu perkara yang berkaitan Muamalat kepada orang lain walaupun orang tersebut mampu melakukannya sendiri. Tidak sah mewakili dalam perkara solat, puasa dan mengambil wudu'
3.2.4	'Aqad iaitu penawaran (Ijab) & Penerimaan (Qabul)	<ul style="list-style-type: none"> • Mestilah berlaku 'aqad iaitu penawaran dan penerimaan sama ada melalui ucapan (lafaz), tulisan, isyarat dan perbuatan yang jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan • Mestilah wujud ketepatan dan kesekataan antara tawaran dengan penerimaan • Mestilah tawaran dan penerimaan berlaku dalam satu majlis atau satu ruang tempoh yang munasabah • Mestilah tawaran berterusan sah sehingga sempurna penerimaan, tiada penarikan balik tawaran sebelum penerimaan • Mestilah tawaran merujuk kepada perkara/subjek yang dikontrakkan dan memenuhi syarat-syaratnya

3.3	Rukun-rukun dan syarat-syarat 'Bai' Wadhi'ah' :	
NO	RUKUN	SYARAT-SYARAT
3.3.1	Penjual	<ul style="list-style-type: none"> • Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman. • Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan. • Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis) • Perlakuan menyimpan subjek simpanan adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan.
3.3.2	Pembeli	<ul style="list-style-type: none"> • Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman. • Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan. • Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis) • Perlakuan menyimpan subjek simpanan adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan.
3.3.3	Subjek pertukaran	<ul style="list-style-type: none"> • Mestilah wujud ketika 'aqad jualbeli diadakan. • Mestilah yang bernilai, bermanfaat dan halal. • Mestilah mampu, boleh atau berupaya untuk diserahkan kepada pembeli. • Tidak boleh terdiri daripada barang-barang ribawi yang sama 'illah. • Mestilah diketahui secara jelas dan tepat oleh penjual dan pembeli subjek pertukaran iaitu barangan dan harga/nilai (wang tunai). • Mestilah hakmilik penjual dan tidak disandarkan sebagai cagaran/jaminan/gadaian. Jika disandarkan sebagai cagaran/jaminan/gadaian, maka kebenaran pemegang cagaran/jaminan/gadaian adalah diperlukan.
3.3.4	'Aqad iaitu penawaran (Ijab) & Penerimaan (Qabul)	<ul style="list-style-type: none"> • Mestilah berlaku 'aqad iaitu penawaran dan penerimaan sama ada melalui ucapan (lafaz), tulisan, isyarat dan perbuatan yang jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan. • Mestilah wujud ketepatan dan kesekataan antara tawaran dengan penerimaan. • Mestilah tawaran dan penerimaan berlaku dalam satu majlis atau satu ruang tempoh yang munasabah. • Mestilah tawaran berterusan sah sehingga sempurna penerimaan, tiada penarikan balik tawaran sebelum penerimaan. • Mestilah tawaran merujuk kepada perkara/subjek yang dikontrakkan dan memenuhi syarat-syaratnya.


4. MODUS OPERANDI

- 4.1 Pelanggan memohon pembiayaan peribadi dibawah konsep Tawarruq di Bank A, dan menandatangani Surat Tawaran di mana Pelanggan melantik (Wakalah) Bank B sebagai wakilnya untuk:
 - (i) Menyempurnakan pembelian (membeli komoditi daripada Bank A); dan
 - (ii) Menjual komoditi kepada Pedagang Kedua.
- 4.2 Bank A membeli komoditi daripada Pedagang Pertama secara harga tunai.
- 4.3 Bank A menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan pada harga kos ditambah margin keuntungan dan dibayar secara bertangguh. Walaubagaimanapun, penyempurnaan pembelian akan dilakukan oleh Bank B bagi pihak Pelanggan dibawah konsep Wakalah;
- 4.4 Bank B (sebagai wakil Pelanggan untuk menjual) menjual komoditi tersebut kepada Pedagang Kedua pada harga kos (dibawah konsep Wadhi'ah) secara tunai yang merupakan jumlah pembiayaan. Jumlah ini akan dimasukkan ke dalam Akaun Semasa milik Pelanggan.




Skim Pembiayaan Pelaburan Gratuiti-i
(Penjawat Awam)

Pendahuluan gratuiti pra persaraan



Pembiayaan Pengurusan kewangan Tawarruq-i
Penyelesaian kewangan & pelaburan




Pembiayaan Pengurusan Kewangan (PPK)-i
SKIM 1 HUTANG




Pembiayaan Pengurusan Kewangan (PPK)-i
SKIM MIKRO



Pembiayaan Pengurusan Kewangan (PPK)-i
SKIM UMRAH & ZIARAH



Skim Pembiayaan Pelaburan Gratuiti-i (Tentera)
Pendahuluan gratuiti pra persaraan



Pembiayaan Pengurusan Kewangan (PPK)-i
SKIM PENDIDIKAN

HUKUM MENGGUNAKAN DUIT ZAKAT UNTUK MEMBINA MASJID

1.0 Pendahuluan

Adapun menyalurkan zakat untuk pembangunan masjid sehingga dapat digunakan untuk mengagungkan nama Allah, berzikir kepada-Nya, menegakkan syiar-syiar-Nya, menunaikan solat, serta menyampaikan pelajaran-pelajaran dan nasihat-nasihat, maka hal ini termasuk yang diperselisihkan para ulama dahulu mahupun sekarang. Apakah yang demikian itu dapat dianggap sebagai *'fi sabilillah'* sehingga termasuk salah satu dari lapan sasaran zakat sebagaimana yang dinaskan di dalam Al-Quran Al-Karim dalam surah At-Taubah:

"Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dijinakkan hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah, dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

(At-Taubah, 9: 60)

Ataukah perkataan *'sabilillah'* itu ertinya terbatas pada *'jihad'* sahaja sebagaimana yang difahami oleh jumhur?

2.0 Asnaf Fi Sabilillah: Pendapat Fuqaha' Dan Mufassirin

Dalam mentafsirkan perkataan *'fi sabilillah'* para ulama terbahagi kepada dua kumpulan; **pertama**, kumpulan yang menghadkan maksud *'fi sabilillah'* hanya kepada berperang pada jalan Allah S.W.T. dan segala yang berkaitan dengannya (Al-Qaradawi 2001: 109-18). **Kedua**, kumpulan yang meluaskan maksud *'fi sabilillah'* tidak bermaksud khusus kepada berperang pada jalan Allah semata-mata. Kumpulan kedua ini pula terbahagi kepada dua; **pertama**, yang meluaskan maksud *'fi sabilillah'* dengan mentafsirkannya kepada segala perbuatan yang bertujuan mendekati diri kepada Allah S.W.T. dan segala perbuatan yang dilakukan sebagai ketaatan kepada-Nya. **Kedua**, mereka

yang mentafsirkan maksud *'fi sabilillah'* mencakupi perkara yang berkait dengan kepentingan umum (Masalih Al-'Ammah) semata-mata (Al-Ashqar 2004: 2/767-81).

3.0 Ulama yang Mengharuskan

- Satu ketika Al-Syeikh Muhammad Shaltut ditanya berkaitan dengan keharusan penggunaan kutipan zakat untuk membina masjid, beliau berpendapat: "Jika masjid yang ingin dibina itu adalah satu-satunya masjid yang terdapat di kampung tersebut atau ada masjid lain tetapi tidak mampu untuk menampung jemaah yang ramai dan ia memerlukan pembinaan masjid baru atau memperbaiki/membesarkan masjid sedia ada, maka dibolehkan untuk menggunakan kutipan zakat untuk membina masjid baru atau memperbaiki/membesarkan masjid sedia ada kerana perkara tersebut menepati apa yang disebut dalam ayat 60 surah Al-Taubah di bawah asnaf *'fi sabilillah'*. Ini adalah kerana maksud *'fi sabilillah'* dalam ayat tersebut ialah Al-Masalih Al-'Ammah.

(Rashid Reda 1953: 782; Al-Ashqar 2004: 2/782)

- Dalam tafsirnya, Al-Razi berkata: "*Ketahuilah bahawa makna zahir bagi lafaz 'fi sabilillah' (dalam ayat 60 Surah Al-Taubah) tidak boleh dikhususkan kepada peperangan semata-mata, makna ini dinukilkan oleh Al-Qaffal dalam tafsirnya daripada sebilangan fuqaha' yang mengharuskan penggunaan zakat kepada semua jenis kebaikan termasuklah mengkafankan mayat, membina penjara dan mengimarahkan masjid, ini adalah kerana lafaz 'fi sabilillah' datang dalam bentuk umum"*

(Al-Razi 1999: 8/90-91)

- Manakala Al-Syeikh Hasan Ayyub seorang ulama semasa dalam penulisannya, beliau berpegang kepada kata-kata Al-Imam Abu Hanifah: "*Yang dimaksudkan dengan 'fi sabilillah' adalah semua perkara yang boleh menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. termasuk dalam perkara ini ialah sesiapa yang*

berusaha dalam mencari ketaatan Allah dan ke jalan kebaikan, maka boleh dibantu usahanya itu dengan zakat untuk kebaikan Islam dan golongan muslimin”

(Al-Ashqar 2004: 2/773)

4.0 Ulama' yang Melarang

Kumpulan ini terdiri daripada majoriti para Ulama A'immah Al-Mazahib, iaitu menghadkan pentafsiran '*fi sabilillah*' kepada jihad pada jalan Allah S.W.T. dan segala perkara yang berkaitan dengannya sahaja.

- **Pertama;** Mazhab Hanafi, Abu Yusuf umpamanya, menyatakan bahawa maksud kalimah '*fi sabilillah*' ialah tentera-tentera yang berjuang secara sukarela yang terputus bekalan dalam peperangan (Ibn Nujaym 2002: 2/383). Menurutnya lagi, maksud yang dapat difahami daripada lafaz mutlak tersebut ialah mereka yang tidak mampu lagi bersama-sama tentera Islam berperang di jalan Allah kerana mereka adalah golongan fakir dan mereka tidak mempunyai bekalan lagi untuk terus berjuang. Terputus bekalan boleh ditakrifkan sebagai apa saja keperluan peperangan seperti alat-alat peperangan, kenderaan untuk tunggangan dan sebagainya. Kumpulan ini (sukarelawan faqir) boleh diberikan zakat walaupun mereka mampu untuk berusaha. Ini dibuat berasaskan pertimbangan bahawa golongan ini wajar diberi zakat untuk mengelakkan mereka dari terus tercicir dari Medan jihad (Al-Barusawi 1985: 3/454).

- **Kedua;** Mazhab Maliki; Ibn 'Arabi dalam kitabnya Ahkam Al-Quran ketika mentafsirkan '*fi sabilillah*' dalam ayat 60 Surah Al-Taubah menyatakan: "Jalan Allah itu banyak, tetapi aku tidak mengetahui maksud lain bagi ayat ini kecuali berperang pada jalan Allah S.W.T." (Ibn 'Arabi t.th: 2/957). Muhammad bin Abu Al-Hakam berkata: "Dikeluarkan dari zakat untuk membuat baju perang, senjata dan alat perang lain yang diperlukan untuk menghalang serbuan musuh, kerana ini termasuk pengertian berperang pada jalan Allah S.W.T. dan persiapan untuk perang. Dalam Sharh Dardir Matn Khalil dinyatakan bahawa golongan yang berperang pada jalan Allah S.W.T. diberi zakat termasuk juga untuk kelengkapan perang seperti senjata dan kuda. Orang yang berperang pada jalan Allah S.W.T. boleh menerima zakat walaupun pada zahirnya dia terdiri dari golongan kaya kerana dia menerima zakat atas asas asnaf berperang '*fi sabilillah*' dan bukan atas asas asnaf fuqara' dan masakin (Al-Qaradawi 2001: 1/112).

- **Ketiga;** Mazhab Shafie; Imam Nawawi dan Ibn Hajar Al-Haythami berpendapat bahawa maksud '*fi sabilillah*' ialah sukarelawan perang yang tidak mendapat gaji tetap daripada kerajaan (Al-Nawawi 1996: 6/200). Menurut Ibn Hajar Al-Haythami, maksud asal '*fi sabilillah*' ialah jalan yang menyampaikan seseorang kepada (keredaaan) Allah S.W.T. Kemudian pengertian ini banyak digunakan untuk maksud jihad (perang pada jalan Allah S.W.T.), kerana ia merupakan sebab yang jelas menyampaikan seseorang pada jalan Allah S.W.T. Kemudian pengertian ini digunakan kepada golongan sukarelawan perang, golongan ini berjuang bukan atas asas mendapat ganjaran daripada kerajaan tetapi semata-mata mencari keredhaan Allah S.W.T. Justeru itu, golongan ini lebih berhak untuk mendapat sesuatu dari sumber zakat walaupun mereka terdiri daripada golongan kaya (Al-Sharbini 1996 : 331).

- **Keempat;** Mazhab Hanbali; pendapat ulama Mazhab ini dilihat selari dengan Mazhab Shafie apabila kumpulan ini juga menyatakan maksud kalimah '*fi sabilillah*' ialah sukarelawan yang berperang pada jalan Allah S.W.T. tanpa mendapat sebarang gaji daripada kerajaan atau pemerintah. Golongan '*fi sabilillah*' ini diberi zakat walaupun mereka terdiri dari golongan kaya (Al-Buhuti 1986: 2/283).

5.0 Kesimpulan

Dr. Muhammad Abdul Qadir Abu Faris antara ulama semasa yang menyokong pandangan yang membenarkan penggunaan duit zakat untuk membina masjid. Beliau dalam hal ini dilihat mengemukakan beberapa hujah untuk memperkuat pendapatnya;

- **Pertama,** tidak terdapat nas daripada Al-Quran dan Al-Sunnah yang mengkhususkan pentafsiran lafaz '*fi sabilillah*' kepada makna tertentu, justeru perkara ini termasuk dalam perkara ijthadiyyah dan perkara ijthadiyyah sememangnya diperselisihkan di kalangan ulama. Setiap ulama dalam soal ini berhak berjihad dan mengikut pandangan yang dianggapnya lebih tepat dan sesuai.

- **Kedua,** beliau berpegang kepada hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W. membayar diat (pampasan) seorang sahabat yang dibunuh oleh seorang Yahudi yang tidak dikenalpasti identitinya dengan menggunakan wang zakat. Beliau seterusnya menyatakan bahawa pengarang kitab Al-Manha Al-'Azab Al-Mawrud fi Sharh Sunan Abi Daud ketika menjelaskan erti hadis ini berkata: "Dibayar diat (pampasan) adalah untuk mengelakkan terjadi persengketaan, untuk memperbaiki hubungan dan menenangkan perasaan keluarga mangsa". Ini menunjukkan dibolehkan membelanjakan kutipan zakat kepada perkara-perkara yang bersifat Al-Masalih Al-'Ammah.

- **Ketiga,** jika para fuqaha berpendapat bahawa 'illah bagi kewajipan menyerahkan zakat kepada asnaf lapan adalah kerana keperluan dan manfaat bagi keseluruhan kaum muslimin, tidak bolehkah kita gunakan 'illah ini kepada semua yang melibatkan kepentingan kaum muslimin untuk mendapat pembiayaan daripada sumber zakat.

- **Keempat,** jika qadi dibolehkan mengambil dan menerima zakat atas asas menjaga kepentingan awam, maka sebarang perkara yang bersifat kepentingan umum dibolehkan menerima peruntukan daripada kutipan zakat.

- **Kelima,** jika dibolehkan menerima zakat bagi golongan penuntut ilmu apakah tidak boleh sumber zakat digunakan untuk membina sekolah dan institusi pendidikan yang menjadi asas kepada proses pembelajaran?

- **Dan keenam,** jika dilihat dalam soal jihad, jihad terbahagi kepada beberapa bahagian di antaranya jihad dalam bidang politik, jihad dalam bidang pendidikan dan jihad dalam bidang ketenteraan. Jika diamati, jenis-jenis jihad ini termasuk dalam menjaga kepentingan umum, justeru adalah tepat pendapat yang tidak menghadkan pentafsiran lafaz '*fi sabilillah*' kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan perang di jalan Allah semata-mata bahkan pentafsirannya merangkumi perkara-perkara yang melibatkan kepentingan umum. Wallahua'lam.

Sumber: Kertas Kerja Agihan Zakat 'Fi Sabilillah' Mengikut Keperluan Semasa Di Malaysia, Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir, Seminar Pengagihan Zakat Di Bawah Asnaf 'Fi Sabilillah' Anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Pada 9 Jun 2009.

SOALAN LAZIM BERKAITAN IBADAH DAN MUAMALAT DALAM ISLAM

Ibadah

Soalan 1:

Seseorang yang bersembahyang berjemaah tetapi tidak berada di dalam saf, atau sengaja membiarkan saf terputus (kosong).

- i. Apakah hukum sembahyang bagi jemaah yang terputus safnya?
- ii. Apakah cara terbaik untuk kita memberitahu makmum tersebut supaya merapatkan saf?

Jawapan:

- i. Hukum sembahyang berjemaah sah tetapi kurang sempurna.
- ii. Cara memberitahu makmum mengenai merapatkan saf melalui teguran secara bijaksana bukan dengan cara kasar. Sekiranya ada ruang dan masa adalah lebih baik maklumkan tentang kebaikan merapatkan saf dan kekurangan jika tidak mematuhi sebagaimana yang diajar oleh Islam.

Soalan 2: Seseorang membayar hutang melalui pendapatan bulanan secara beransur-ansur. Dia telah mempunyai perbelanjaan yang cukup baginya untuk menunaikan fardhu haji. Adakah dia wajib mengerjakan haji sedangkan hutangnya masih berbaki hingga dia selesai menunaikan haji?

Jawapan:

Orang itu wajib mengerjakan haji sekiranya jumlah perbelanjaan/harta (selain daripada harta yang menjadi keperluan asasi) yang terkumpul pada satu-satu musim haji telah mencukupi untuk perbelanjaan menunaikan fardhu haji termasuk perbelanjaan orang dalam tanggungannya yang ditinggalkan sementara hutangnya dibayar beransur-ansur seperti yang telah dipersetujui di antaranya dan pihak yang dihutangnya.

Soalan 3 :

Apakah hukumnya (batal atau tidak puasa) sekiranya memakai kanta sentuh (contact lens) di bulan puasa kerana pemakai akan menitikkan ubat mata (lens drop) apabila mata kering?

Jawapan:

Sah puasanya kerana mata bukanlah rongga yang terbuka. Perbuatan tersebut tidak membatalkan puasa.

Soalan 4:

Apakah yang perlu dilakukan apabila kita telah menyentuh botol atau tin arak yang dalam keadaan sejuk atau kering?

Jawapan:

Arak termasuk dalam kategori najis mutawassitah. Menyentuhnya tidak memerlukan kepada samak, memadai menyucikan sahaja tangan yang terkena arak tersebut.

Soalan 5:

Seseorang telah berniat untuk bernazar dengan membuat kenduri kesyukuran sekiranya dia telah sembuh dari penyakit yang dihadapinya. Namun setelah sihat dan mempunyai masalah kewangan dia tidak dapat menunaikan nazar tersebut. Apakah hukumnya?

Jawapan:

Setiap nazar yang telah diniatkan wajib ditunaikan pada waktu tertentu. Walaubagaimanapun, nazar tersebut boleh ditangguhkan buat seketika disebabkan darurat kerana kekurangan wang. Oleh yang demikian, nazar tersebut perlu ditunaikan segera apabila wang telah mencukupi. Berdosa jika tidak menunaikannya.

Muamalat

Soalan 1:

Apakah prinsip-prinsip Syarak dalam muamalat?

Jawapan:

